



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
**10 TERAKHIR RAMADHAN
MEMBURU LAILATUL
QADR**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"10 TERAKHIR RAMADHAN MEMBURU LAILATUL QADR".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبْرَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "PECUTAN AKHIR MEMBURU LAILATUL QADR".</p>	6



<p>Lailatul Qadr atau Malam al-Qadr adalah satu malam yang sangat dinantikan oleh orang-orang yang beriman. Ini kerana Lailatul Qadr adalah malam yang diberkati oleh Allah SWT. Nama Lailatul Qadr merujuk kepada peristiwa malam diturunkan keseluruhan al-Quran secara sekaligus ke Baitul Izzah di langit dunia.</p>	7
<p>Peristiwa ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Dukhan ayat 3 seperti yang dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab)."</i></p>	8
<p>Begitu juga dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Qadr ayat 1;</p> <p style="text-align: center;">إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾</p> <p><i>"Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam al-Qadr."</i></p>	9
<p>Demikianlah tadi adalah peristiwa Nuzul al-Quran dan kaitannya dengan nama Lailatul Qadr. Namun pada hari ini kelebihan Lailatul Qadr yang lebih baik dari seribu bulan, masa dan waktunya adalah rahsia Allah SWT. Allah SWT berhak untuk mengurniaknya kepada sesiapa sahaja daripada kalangan hamba-Nya. Namun, ini tidak bermakna kita boleh bersikap sambil lewa dalam perkara ini. Para ulama menyatakan bahawa hikmah disembunyikan Lailatul Qadr adalah supaya umat Islam sentiasa beribadah dan bermujahadah pada setiap masa, bukan hanya fokus pada malam-malam tertentu sahaja.</p>	10



Kemuliaan dan kelebihan Lailatul Qadr bukan sahaja kerana ia malam diturunkan al-Quran. Bahkan kelebihan Lailatul Qadr kepada umat Nabi Muhammad SAW telah dirakamkan dalam Surah al-Qadr ayat 3 hingga 5:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحُ فِيهَا
بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

11

"Malam al-Qadr lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar."

12

Antara kelebihan Lailatul Qadr yang dinyatakan adalah ia merupakan sebuah malam yang lebih baik berbanding seribu bulan yang lain. Imam Mujahid menyatakan bahawa segala amalan, puasa dan ibadah yang dilakukan pada Lailatul Qadr adalah lebih baik berbanding ibadah yang dilakukan selama seribu bulan. Oleh itu, ibadah yang kita lakukan pada Lailatul Qadr sebenarnya telah mengatasi ibadah-ibadah umat terdahulu.

Walaupun jangka hayat kita lebih pendek berbanding umat terdahulu, dengan hanya satu malam ibadah yang kita lakukan pada Lailatul Qadr, hasil ibadah kita bersamaan dengan ibadah 1000 bulan iaitu 83 tahun 3 bulan. Bayangkan jika kita dianugerahkan peluang meraih Lailatul Qadr pada tahun ini, juga pada tahun-tahun sebelumnya dan yang akan datang, berapa banyak tahun pahala ibadah yang telah kita kumpulkan? Sungguh, ini adalah kurniaan yang amat besar daripada Allah SWT.

13



<p>Pada malam berlakunya Lailatul Qadr juga, para malaikat akan turun ke dunia membawa keberkatan dan rahmat Allah SWT. Bukan itu sahaja, para malaikat turut mendoakan kesejahteraan kepada mereka yang bertahajjud dan beribadah pada malam itu sehingga tibanya waktu subuh.</p>	14
<p>Mimbar mengajak sidang Jumaat sekalian supaya kita bersama-sama meningkatkan usaha dan kualiti ibadah kita pada bulan Ramadhan ini khususnya pada 10 malam terakhir. Contohilah Rasulullah SAW yang bersungguh-sungguh beribadah pada 10 malam terakhir Ramadhan.</p>	15
<p>Hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radiallahuanha katanya yang bermaksud:</p> <p><i>"Rasulullah SAW bersungguh-sungguh (beribadah) pada 10 malam terakhir (Ramadhan) tidak seperti bulan-bulan yang lain."</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	16
<p>Ketahuiilah! Sesiapa yang beribadah pada malam al-Qadr, maka dosa-dosanya akan diampunkan oleh Allah SWT.</p> <p>Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ يَقُمْ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ</p>	17



"Sesiapa yang bangun (beribadah) pada Lailatul Qadr dengan penuh keimanan dan pengharapan akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu."

18

(Riwayat al-Bukhari).

Antara ibadah utama yang boleh kita tingkatkan pada 10 malam terakhir Ramadhan adalah solat isyak dan subuh secara berjemaah.

Hadis yang diriwayatkan daripada Uthman bin Affan Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

19

"Sesiapa yang solat Isyak secara berjemaah umpama dia telah solat separuh daripada malam dan sesiapa yang solat subuh secara berjemaah umpama dia telah solat sepanjang malam."

(Riwayat Muslim).

Antara ibadah lain yang dianjurkan pada 10 malam terakhir Ramadhan ialah beriktikaf di masjid. Iktikaf disunatkan pada bila-bila masa, namun ia paling afdhal dilakukan pada 10 malam terakhir Ramadhan bagi meraih keberkatan Lailatul Qadr. Ketika beriktikaf, para jemaah diingatkan agar sentiasa menjaga adab, seperti memelihara kebersihan masjid, memperbanyakkan ibadah sunat, melazimi bacaan al-Quran, berzikir, dan amalan-amalan soleh yang lain.

20



Kepada nazir dan jawatankuasa masjid, bukalah pintu masjid seluas-luasnya pada bulan Ramadhan ini. Sambut dan raikanlah jemaah-jemaah yang ingin beriktikaf dan beribadah di masjid.

Selain itu, marilah kita mempertingkatkan pelaksanaan solat sunat Tarawih secara berjemaah hingga selesai mengikut imam. Ini kerana menunaikan kedua-dua solat sunat ini secara berjemaah adalah sangat dituntut untuk dilakukan pada bulan Ramadhan ini.

21

Kita juga disunatkan untuk memperbanyak bacaan doa pada malam-malam Ramadhan terutamanya pada 10 malam terakhir. Doa yang dianjurkan adalah:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

22

"Ya Allah Tuhan kami, sesungguhnya Kau Maha Pengampun yang sukakan keampunan, maka ampunkanlah kami."

Hari-hari Ramadhan yang masih berbaki ini, umat Islam diingatkan agar menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah. Berdasarkan fatwa negeri Selangor yang diwartakan pada 21 Februari 2025, kadar zakat fitrah bagi tahun 1446H/2025M ditetapkan sebanyak RM7.00 bagi setiap orang Islam yang wajib membayar zakat fitrah di Selangor. Namun, bagi mana-mana orang Islam yang berkemampuan, digalakkan untuk membayar zakat fitrah mengikut jenis beras yang dimakan dengan kadar yang telah ditetapkan.

Mimbar sekali lagi mengingatkan hadirin sekalian agar memanfaatkan peluang yang masih berbaki dalam 10 hari terakhir Ramadhan ini untuk meningkatkan mutu ibadah kita. Janganlah kita terleka dengan perkara-perkara yang boleh melalaikan. Laksanakanlah ibadah semampu yang kita boleh dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan. In sha Allah, setiap Muslim berpeluang meraih



keberkatan Lailatul Qadr melalui amalan yang dilakukan dengan hati yang ikhlas dan niat yang benar.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam diseru untuk bersungguh-sungguh dalam mencari dan meraih keberkatan Lailatul Qadr dengan memperbanyakkan ibadah kepada Allah SWT.
2. Umat Islam seharusnya mengisi waktu sepanjang Ramadhan, terutamanya pada 10 malam terakhir dengan beriktikaf di masjid, mendirikan solat malam, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, dan melakukan kebajikan lain sesuai dengan kemampuan.
3. Umat Islam perlu menyedari dan menghargai kemuliaan Lailatul Qadr dengan sepenuh hati, agar timbul semangat dan keazaman yang tinggi untuk merebut keberkatan malam yang penuh rahmat ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ
حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan."

(Surah al-Nahl: 97)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	9
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	10
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	11
Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.	12



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	13
<p>Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.</p>	
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	19
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	20
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	21